



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Membaharui Undang – Undang (Penghapusan Samsu Gelap)
(Pindaan) 1988**

DR.11/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 2 Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda dengan memotong perkataan “memiliki,” yang terdapat dalam takrif “memperdagang”.
Pindaan seksyen 2. Akta 165.
3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—
Pindaan seksyen 3.
 - (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima” dan “dua” dalam subseksyen (2) (a) masing-masing dengan perkataan-perkataan “sepuluh” dan “empat”;

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.” dalam subseksyen (2) (b) dengan perkataan-perkataan “sebat tidak kurang daripada dua kali.”;
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “sepuluh” dan “empat” dalam subseksyen (3) (a) masing-masing dengan perkataan-perkataan “dua puluh” dan “tujuh”;
- (d) dengan menambahkan perkataan “dan” di hujung subseksyen (3) (a); dan
- (e) dengan memotong subseksyen (3) (b).

Pindaan
seksyen 4.

4. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima” dan “dua” dalam subseksyen (2) (a) masing-masing dengan perkataan-perkataan “sepuluh” dan “empat”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.” dalam subseksyen (2) (b) dengan perkataan-perkataan “sebat tidak kurang daripada dua kali.”;
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “sepuluh” dan “empat” dalam subseksyen (3) (a) masing-masing dengan perkataan-perkataan “dua puluh” dan “tujuh”;
- (d) dengan menambahkan perkataan “dan” di hujung subseksyen (3) (a); dan
- (e) dengan memotong subseksyen (3) (b).

Penggantian
seksyen 5.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 5 dengan yang berikut:

“Milikan
samsu
gelap.

5. (1) Tiada seorangpun boleh mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya samsu gelap melainkan di bawah kebenaran mana-mana undang-undang bertulis.

MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PENGHAPUSAN 3
SAMSU GELAP) (PINDAAN)

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan hendaklah apabila disabitkan, dihukum—

(a) penjara selama suatu tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan tidak kurang daripada empat tahun; dan

(b) sebat tidak kurang daripada dua kali.

(3) Jika samsu gelap, jika ada, yang menjadi hal-perkara sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini mengandungi apa-apa bahan berbahaya, pesalah hendaklah dihukum—

(a) penjara selama suatu tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan tidak kurang daripada tujuh tahun; dan

(b) sebat tidak kurang daripada enam kali.”.

6. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 6.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima” dan “dua” dalam subseksyen (1) (a) masing-masing dengan perkataan-perkataan “sepuluh” dan “empat”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.” dalam subseksyen (1) (b) dengan perkataan-perkataan “sebat tidak kurang daripada dua kali.”.

7. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 7.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima” dan “dua” dalam perenggan (a) masing-masing dengan perkataan-perkataan “sepuluh” dan “empat”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit." dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan "sebat tidak kurang daripada dua kali."

Pindaan
seksyen 16A.

8. Seksyen 16A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima" dalam perenggan-perenggan (a) dan (b) dengan perkataan "tujuh".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memotong perkataan "memiliki" daripada takrif "memperdagang" oleh kerana "milikan" samsu gelap itu sendiri hendaklah dijadikan satu kesalahan yang asing.

3. *Fasal-fasal 3, 4, 6 dan 7* masing-masing bertujuan meminda seksyen-seksyen 3, 4, 6 dan 7 Akta supaya menambahkan penalti-penalti bagi kesalahan-kesalahan mengilang, memperdagang dan mengguna premis-premis yang berkaitan dengan samsu gelap dan milikan alat mengilang. Tempoh pemenjaraan mandatori ditambahkan kepada suatu tempoh yang tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun. Hukuman denda diganti dengan sebatan mandatori yang tidak kurang daripada dua kali. Walau bagaimanapun, jika samsu gelap mengandungi apa-apa bahan berbahaya, tempoh pemenjaraan mandatori itu dilanjutkan kepada suatu tempoh yang tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun, dan suatu sebatan mandatori yang tidak kurang daripada enam kali bagi mengilang dan memperdagang.

4. *Fasal 5* bertujuan memperkenalkan satu seksyen 5 baru sebagai mengganti seksyen lama untuk membuat peruntukan mengenai satu kesalahan yang asing bagi milikan, jagaan atau kawalan samsu gelap. Sehingga ini, milikan samsu gelap telah diliputi dalam takrif memperdagang. Walau bagaimanapun dalam hal-keadaan tertentu mahkamah boleh memutuskan bahawa seseorang yang dipertuduhkan atas memperdagang, melakukan suatu kesalahan hukum lebih ringan iaitu hanya sebagai seorang pengguna jika milikan itu melibatkan samsu gelap sebanyak kurang daripada suku gelen. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, milikan, jagaan dan kawalan samsu gelap tanpa

MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PENGHAPUSAN 5
SAMSU GELAP) (PINDAAN)

mengambil kira banyaknya samsu yang dimiliki, dijadikan satu kesalahan berasingan daripada memperdagang yang apabila disabitkan, seseorang tertakluk kepada hukuman yang sama seperti yang diperuntukan bagi memperdagang.

5. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 16A Akta dengan menambahkan hukuman penjara yang dinyatakan dalam seksyen itu daripada 5 tahun kepada 7 tahun. Ini ialah satu pindaan berbangkit yang disebabkan oleh penambahan hukuman yang dikehendaki dalam lain-lain fasal.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1485.]

